

LATIHAN: KATA ARAH

Pilih kata arah yang sesuai untuk mengisi tempat-tempat kosong.

1. Buku cerita saya simpan di_____ laci meja
tulis. (luar, belakang, dalam)
2. Rumah Ah Keong letaknya di_____ Kedai
Makan Murni. (samping, depan, sudut)
3. Datuk menanam sebatang pokok rambutan di _____
rumah kami. (belakang, tengah, barat)
4. Kami tinggal di_____ Kampung Selasih. (sebelah,
belakang, luar)
5. Nora memberhentikan keretanya di_____
bangunan Majlis Perbandaran Klang.

Garisi kata arah yang sesuai untuk melengkapi ayat-ayat di bawah.

1. Jeti di (tepi, hujung, luar, penjuru) tanjung itu akan ditutup buat sementara waktu sehingga kerja membaikpulih selesai.
2. Azrul cuba melastik seekor burung yang ada di (tengah, selah, sisi) dahan itu.
3. Halimah menyimpan kunci itu di (dalam, penjuru, sudut) laci.
4. Rita duduk di (sisi, sudut, pinggir) ayahnya semasa menonton televisyen.
5. Keluarga Encik Sulaiman sedang makan angin di (sudut, tepi, sisi) pantai.
6. Puan Rosnah menanam pokok bunga
di (sudut, tengah, hadapan) rumahnya.
7. Rumah usang di (belakang, hadapan, hujung) kampung itu sudah lama tidak berpenghuni.
8. Terdapat dua rumpun serai di (sudut, belakang, penjuru) rumah Mak Leha.
9. Kasut itu disusun dengan kemas di (sudut, tengah, atas) rak kasut.
10. Dia meletakkan sebuah bakul besar yang berisi mentimun
di (hujung, pangkal, antara, atas) batas.

Isikan tempat kosong dengan kata arah yang sesuai.

1. Di _____ bilik bacaan itu, terdapat sebuah mesin taip lama kepunyaan datuk.
2. Semasa berada di _____ Gunung Tahan, kami berpeluang melihat pemandangan matahari terbit pada waktu pagi.
3. Pak Abu sedang menebas lalang di _____ rumahnya.
4. Kucing Ashley ada di _____ pokok rambutan.
5. "Jangan bermain di _____ parit itu, Airnya dalam," pesan ibu kepada Kamal.
6. Rumah Cikgu Ali terletak di _____ Pasar Raya Bintang.
7. Puan Salmah meletakkan bakul kain basuh itu di _____ ampaian.
8. Rumah banglo yang terletak di _____ kampung itu kepunyaan Encik Solehin.
9. Alif memasukkan kulit siput dan kerang itu ke _____ baldi.
10. Oleh sebab cuaca redup, Siti menyidai kain di _____ rumah.
11. Saufi menyorok di _____ tiang supaya tidak ditemui oleh kakaknya.
12. Burung kelicap itu telah membina sarangnya di _____ ranting pokok itu.
13. Cikgu Amran meminta Yaslina tampil ke _____ untuk mendeklamasikan puisi.
14. Semua kenderaan ke _____ untuk memberi laluan kepada ambulans.

15. Dia menoleh ke _____ apabila bahunya dicuit seseorang.
16. Kereta api itu baru tiba dari _____ Semenanjung Malaysia.
17. Adik bermain basikal di _____ rumah bersama kawan-kawannya.
18. Emak mengalihkan pasu bunga ke _____ dinding.
19. Pak Usop telah membina sebuah pancutan air di _____ halaman rumahnya.
20. Sara sedang berteduh di _____ sebatang pokok yang rendah sambil membaca buku.